

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa kedudukan kewangan Petroleum Nasional Bhd (Petronas) tidak boleh didedahkan kepada umum.

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Meskipun PETRONAS bukan merupakan sebuah syarikat yang disenaraikan di bursa saham, PETRONAS selama ini telah mengambil inisiatif untuk melaporkan prestasi kewangan dan operasi serta maklumat-maklumat korporat yang lain pada setiap suku tahun dan tahunan menerusi laman sesawang www.petronas.com yang boleh diakses oleh semua pihak termasuk orang awam.

Sekian, terima kasih.